

LAPORAN MAKTAB POLITIK



Maktab Politik adalah program pendidikan politik yang dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Melayu. Maktab Politik mensasarkan golongan muda di bawah usia 35 tahun yang berminat untuk mempelajari teori-teori politik serta pengalaman praktikal politik.

Objektif program adalah untuk menarik minat anak muda kepada politik dan mendedahkan mereka kepada asas-asas politik. Selain menjadikan DAP sebagai salah satu parti pilihan apabila membuat keputusan untuk turut serta dalam politik.

Maktab Politik telah berlangsung pada:

22hb – 24hb September 2023

17hb – 19 November 2023

16hb – 18hb Februari 2024

7hb – 9hb Jun 2024

11hb – 13hb Oktober 2024

Program selama tiga hari dua malam dijalankan dengan modul yang menggabungkan kuliah dan permainan peranan (role playing) untuk membantu pemahaman peserta. Antara modulnya adalah:

Kuliah - Politik dan Ideologi

Peserta diperkenalkan kepada maksud politik. Kemudian peserta didedahkan kepada sejarah dan perkembangan ideologi-ideologi politik .

Kuliah - Pengenalan Kepada Sosial Demokrasi (Ideologi Parti)

Selepas memahami perkembangan ideologi dalam politik. Peserta didedahkan kepada ideologi Sosial Demokrasi yang merupakan ideologi parti.

Role Play - Krisis dan Kepentingan

Permainan dalam bentuk role play yang menggabung unsur hiburan namun hakikatnya mendedahkan peserta kepada amalan rundingan dan penyelesaian masalah. Peserta belajar memahami konflik



yang lahir akibat dari kepentingan yang pelbagai dan cara mencari penyelesaian.

Kuliah - Kenal Kerajaan

Peserta didedahkan tentang peranan dan fungsi dan peranan kerajaan tempatan dan kerajaan negeri oleh Ahli Majlis dan Ahli Dewan Undangan Negeri jemputan.

Role Play – Tawar Menawar

Peserta didedahkan dengan BATNA atau *Best Alternative to a Negotiated Agreement* sebagai salah satu strategi tawar menawar yang kemudiannya digunakan dalam permainan.

Sebilangan besar peserta menyertai DAP selepas tamat kursus dan bersedia untuk membantu parti di kawasan masing-masing.